

19/08/1997

Umno Sabah cadang tubuh institut IKS

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Isnin - Umno Sabah mencadangkan sebuah Institut Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Sabah ditubuhkan bagi meningkatkan jumlah usahawan kelas menengah Bumiputera di negeri ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, berkata institusi itu yang didaftarkan sebagai yayasan akan memberi khidmat nasihat serta bantuan kepada usahawan kecil dan sederhana menubuh, memaju dan mengembangkan perniagaan mereka.

"Umno boleh mendapatkan bantuan daripada Sekolah Pentadbiran dan Perniagaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mendapatkan bantuan nasihat dan kepakaran bagi menjayakan rancangan itu."

"Golongan usahawan dan tokoh korporat negeri ini yang berjaya diharap bersedia menunaikan tanggungjawab sosial bagi membolehkan lebih ramai usahawan Bumiputera dilahirkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan dasar di Konvensyen Umno negeri Sabah di sini hari ini.

Turut hadir di majlis itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh dan Ketua-Ketua Bahagian Umno seluruh Sabah.

Seramai 1,500 wakil bahagian, pergerakan pemuda dan wanita Umno Sabah mengikuti Konvensyen Umno Sabah ke-4 yang dirasmikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Osu berkata pelan strategik pembangunan luar bandar yang disediakan Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) boleh dijadikan asas ke arah membangunkan kawasan luar bandar.

"Difahamkan pelan berkenaan bertujuan membawa dan memajukan industri moden ke kawasan luar bandar mengikut kelebihan bandingan lokasi dan ekonomi."

"Misalnya, kelompok gabungan industri petrokimia dan maritim di wilayah; elektronik/elektrik dan pemerosesan makanan di wilayah pantai barat dan kelapa sawit dan perkayuan di pantai timur," katanya.

Menurut Osu, Umno berharap pelan berkenaan apabila dilaksanakan benar-benar membawa faedah kepada penduduk tempatan bukan sahaja dari segi peluang pekerjaan tetapi yang lebih penting ialah penyertaan dan keusahawan mereka dalam perusahaan utama, hiliran dan sokongan.

Mengenai pendidikan Osu berkata, sejak penubuhan UMS, sebanyak 40 peratus penuntutnya adalah pelajar tempatan yang mengikuti pengajian pada peringkat ijazah pertama dan lanjutan.

(END)